

# Najib ucap selamat jalan kepada 2 calon angkasawan

UM - 23/9/2006

Oleh HELMI MOHD FOAD

**PUTRAJAYA** 22 Sept. - Kerajaan mengucapkan selamat jalan kepada dua calon angkasawan negara yang akan berlepas ke Rusia, Selasa ini bagi menjalani latihan fasa terakhir sebelum seorang daripada mereka dipilih menyertai misi ke angkasa lepas pada 2 September tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pihaknya bangga dengan semangat dan kegigihan yang ditunjukkan oleh kedua-dua calon, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed semasa sesi latihan.

"Saya mengucapkan selamat kepada kedua-duanya. Mereka akan memasuki fasa latihan yang lebih mencabar.

"Namun saya yakin, berdasarkan kepada pemilihan yang begitu ketat dan profesional bahawa kedua-duanya mempunyai kemampuan dan kewibawaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan tengah hari yang dianjurkan oleh isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor bagi merayakan kedua-dua calon angkasawan tersebut di kediamannya, Sri Satria di sini hari ini.

Majlis tersebut juga bagi merayakan anggota Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti) dan jawatankuasa Malam Amal Semai Bakti kerana berjaya menganjurkan program amal tersebut pada 18 September lalu.

Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis; Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman dan Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda, Tan Sri Rozali Ismail.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kerajaan percaya kedua-dua calon angkasawan tersebut mempunyai kekuatan mental, fizikal dan kerohanian bagi membolehkan mereka menyempurnakan segala tugas yang ditentukan oleh kerajaan ketika berada di angkasa lepas kelak.

Dalam pada itu, Jamaluddin berkata, pihaknya akan berbincang dengan kerajaan Rusia dalam kunjungannya ke negara itu bulan depan bagi memuktamadkan perjanjian mengenai penyelidikan yang



DUA bakal angkasawan, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (kiri) dan Kapten Dr. Faiz Khaleed (kanan) diraikan oleh Najib Tun Razak dan Rosmah Mansor di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri, Sri Satria di Putrajaya, semalam.

**Saya yakin, berdasarkan kepada pemilihan yang begitu ketat dan profesional bahawa kedua-duanya mempunyai kemampuan dan kewibawaan**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan Perdana Menteri

bakal dilaksanakan oleh angkasawan pertama negara ketika di angkasa lepas.

"Buat masa ini saya akan mendapatkan perakuan daripada Kabinet untuk membo-

lehkan kita memuktamadkan bentuk perjanjian dengan Rusia berkenaan penyelidikan yang akan dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, *Utusan Malaysia* difa-

hamkan, kementerian terbabit juga akan mengadakan perbincangan mengenai peluang kedua-dua calon angkasawan pulang bercuti ke tanah air termasuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Kedua-duanya akan menjalani latihan di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, Star City selama 12 bulan sebelum berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Bagaimanapun kedua-duanya difahamkan tidak akan dibenarkan keluar dari kem latihan dalam tempoh tiga bulan sebelum misi angkasa lepas itu dilancarkan.